

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini penyelidik akan membincangkan mengenai reka bentuk kajian yang telah diaplikasikan bagi mencapai dan memenuhi objektif kajian. Penggunaan pendekatan kajian yang bertepatan akan membantu penyelidik mencapai objektif kajian yang diinginkan. Bab ini terbahagi kepada 6 bahagian. Bahagian 3.2 merangkumi pendekatan kajian yang telah diaplikasikan oleh penyelidik ketika menjalankan kajian ini. Seterusnya bahagian 3.3 membincangkan mengenai instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam menemu bual responden. Manakala bahagian 3.4 pula merangkumi maklumat berkenaan pensampelan kajian. Selain itu juga turut dibincangkan mengenai cara dan kriteria dalam pemilihan sampel. Seterusnya bahagian 3.5 pula membincangkan mengenai aspek-aspek etika penyelidikan yang telah dititik beratkan oleh penyelidik ketika menjalankan penyelidikan. Bahagian 3.6 pula membincangkan mengenai analisis data. Bahagian ini memfokuskan kepada prosedur merekod data dan langkah-langkah memproses data yang di kumpul. Akhir sekali, bahagian 3.7 merangkumi aspek kebolehpercayaan dan penentusahan data yang telah diperolehi daripada penyelidikan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian fenomenologi. Menurut Stan Lester (1999) kajian fenomenologi sering digunakan untuk memahami mengenai sesuatu fenomena tertentu berdasarkan kepada sudut pandang individu yang terlibat.

Manakala dalam kajian sains sosial, kajian fenomenologi digunakan oleh penyelidik untuk mengumpul maklumat yang mendalam melalui kaedah kualitatif seperti temu bual, perbincangan, dan pemerhatian peserta. Oleh kerana fenomenologi digunakan untuk mengkaji dan memahami pengalaman individu, maka fenomenologi mengetepikan sebarang andaian umum. Dengan menggunakan kajian fenomenologi, penyelidik juga dapat meneroka kerumitan kehidupan orang ramai dan memahami pengalaman mereka dengan lebih mendalam (Qutoshi, 2018). Justeru, pendekatan fenomenologi ini digunakan kerana bersandarkan kepada fenomena tempat kerja di mana pekerja wanita Muslim bekerja.

3.3 Instrumen Kajian

Penyelidik memilih untuk menggunakan instrumen yang sesuai dengan objektif kajian. Dalam kajian ini, penyelidik memilih untuk menggunakan model soalan temu bual separa-berstruktur. Bagi memastikan kesahan instrumen yang digunakan, penyelidik telah mengadaptasi pendekatan format temu bual separa-berstruktur yang telah digunakan oleh Nur Kareelawati (2015, hlmn. 89-91) dalam kajiannya mengenai budaya produksi televisyen Islamik. Penyelidik turut merangka soalan tersebut temu bual berpandukan kepada persoalan kajian iaitu: 1) Apakah aspek yang membentuk budaya produksi industri televisyen dan filem di Malaysia? 2) Apakah bentuk cabaran yang dihadapi oleh wanita Muslim dari perspektif budaya produksi industri televisyen dan filem di Malaysia? 3) Bagaimanakah wanita Muslim menangani cabaran-cabaran yang dihadapi? Selain itu juga, soalan yang terbina ini juga merupakan hasil daripada tinjauan literatur wanita dalam industri media kreatif. Temu bual separa-berstruktur juga membantu responden untuk memberikan jawapan yang lebih bebas dan mendalam.

Temu bual separa-berstruktur biasanya akan ditemani dengan soalan bertutup dan

soalan terbuka. Menggunakan temu bual separa-berstruktur membantu penyelidik mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam serta memberi keselesaan kepada responden untuk menjawab soalan dengan lebih selesa dan bebas (Adams, 2015).

Format temu bual separa-berstruktur oleh Nur Kareelawati (2015) untuk mengumpul data ini terbahagi kepada tiga kategori soalan iaitu: 1) Aspek substantif (*'substantive aspects'*) berkaitan demografi dan biografi responden; 2) Soalan susulan (*'questions to keep going'*) untuk menggalakkan responden lebih terbuka berkongsi pandangan dan perspektif; dan 3) Soalan susulan tambahan (*'follow-up questions'*) untuk perbincangan lebih mendalam. Format soalan seperti ini membantu responden untuk menjawab soalan daripada umum kepada soalan yang lebih khusus. Soalan yang berbentuk umum ini membantu penyelidik dalam menentukan hala tuju temu bual berdasarkan kepada jenis profesion yang dimiliki oleh responden wanita. Manakala soalan berbentuk khusus pula membantu penyelidik untuk mengetahui budaya kerja sesebuah organisasi ataupun kumpulan produksi serta cabaran yang dihadapi oleh mereka ketika bekerja. Jawapan yang diberikan oleh responden membantu penyelidik untuk menjawab persoalan kajian berkaitan cabaran dan strategi yang digunakan oleh mereka untuk kekal bertahan dalam bidang penyiaran dan perfileman. Jadual 3.1 menunjukkan format temu bual separa-berstruktur yang akan digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan data kajian.

Jadual 3.1: Format soalan temu bual

Kategori Soalan	Huraian
Aspek substantif <i>'Substantive Aspects'</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Maklumat asas: nama, umur, kelayakan dan status - Jawatan, tempoh dan pengalaman bekerja - Faktor pemilihan kerjaya - Tugas dan rutin kerjaya
Soalan susulan <i>'Questions to keep going'</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Budaya kerja organisasi - Hubungan dan layanan majikan terhadap pekerja wanita - Hubungan dan layanan rakan sekerja berlainan gender dan bangsa - Peranan wanita terhadap keluarga dan kerjaya - Cabaran umum daripada aspek kerjaya, ekonomi dan kehidupan seharian.
Soalan susulan tambahan <i>'Follow-up Questions'</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Perbincangan mendalam mengenai cabaran yang dinyatakan - Strategi yang digunakan untuk menangani cabaran

(Nur Kareelawati, 2015, hlmn. 89-91)

3.4 Pensampelan Kajian

Pensampelan kajian dilakukan terhadap wanita Muslim bekerja dalam industri televisyen dan filem di Malaysia. Penyelidik memilih untuk menemu bual seramai 20 orang responden wanita yang terdiri daripada kumpulan pengurusan, kumpulan kreatif dan kru teknikal. Hal ini kerana kemungkinan setiap responden wanita mempunyai pengalaman dan cabaran yang berbeza ketika bekerja di dalam industri produksi media. Begitu juga dengan kategori pekerjaan yang terdiri daripada kategori kreatif atau teknikal. Layanan yang diterima oleh mereka juga mungkin berbeza mengikut tahap jawatan yang dipegang. Seperti yang diperkatakan oleh Caldwell (2008) mengenai bagaimanakah dinamik kuasa mampu memberi kesan terhadap hubungan di antara pekerja dalam organisasi.

Bagi kaedah pemilihan sampel responden, penyelidik menggunakan teknik pensampelan bertujuan ataupun *"purposive sampling"*. Menurut David Silverman

(2014), penggunaan teknik pensampelan bertujuan membantu penyelidik untuk mendapatkan responden temu bual yang mempunyai ciri yang khusus dan spesifik berdasarkan kepada permasalahan kajian iaitu wanita Muslim. Justeru itu, teknik pensampelan seragam atau “*homogeneous sampling*” digunakan kerana kumpulan responden yang ditemu bual berkongsi ciri-ciri atau yang sama iaitu wanita Muslim dan bekerja dalam industri televisyen dan filem. Proses pensampelan dalam tesis ini merujuk kepada Nur Kareelawati (2015) yang mengklasifikasikan pekerja produksi televisyen menurut fungsi kerja seperti dalam jadual 3.2 yang memaparkan kriteria pekerja wanita yang ditemu bual mengikut jenis pekerjaan.

Jadual 3.2: Kriteria peserta wanita

Kategori wanita berkerjaya	Umur	Organisasi	Kategori industri	Kumpulan pekerjaan	Jenis pekerjaan
Wanita bujang, berkahwin, bercerai, janda atau balu, ibu dan ibu tunggal	24 – 63 tahun	Milikan kerajaan	Televisyen dan filem	Pengurusan	Penerbit, Pengarah, Pembantu Pengarah, Pengurus produksi
		Milikan swasta		Kreatif	Penyunting, penulis skrip
		Pekerja bebas ‘Freelancer’		Teknikal	Kru teknikal seperti juru kamera, pereka set, kru dan pembantu produksi, juru solek, pengendali kostum

Manakala bagi bilangan responden temu bual, penyelidik telah menemu bual seramai 20 orang responden wanita. Menurut Creswell (2007), untuk mencapai ketepatan data, responden seramai 20-30 orang responden sudah mencukupi. Oleh kerana keterbatasan penyelidik untuk mendapatkan responden temu bual, penyelidik

telah mendapatkan bantuan daripada penyelia penyelidik untuk mendapatkan capaian senarai peserta dari persatuan seperti Persatuan Penerbit Televisyen Malaysia (PTVM), Persatuan Sutradara Malaysia (FDAM) dan Persatuan Pekerja Profesional Filem Malaysia (PROFIMA).

Oleh kerana keterbatasan penyelidik untuk mendapatkan lebih ramai responden temu bual, penyelidik telah menggunakan ‘teknik bola salji’ atau ‘*snowball technique*’. Kebiasaan teknik sampel bola salji sering digunakan oleh penyelidik barat untuk mengkaji kajian berkaitan wanita dalam industri media kreatif. Antaranya seperti kajian yang dijalankan oleh O’Brien (2014; 2018); Thoman dan Zelin (2020); Berridge (2020). Selain itu, teknik ini juga seringkali diguna pakai untuk mencari subjek yang mempunyai sifat atau ciri tertentu yang diperlukan dalam kajian. Sampel bola salji ini juga kerap digunakan oleh penyelidik yang berminat untuk mengkaji mengenai isu-isu yang sensitif dan isu yang melibatkan populasi yang sukar dicapai (Berg, 2009). Justeru itu, kerana keterbatasan penyelidik untuk mendapatkan responden wanita yang bekerja dalam produksi filem dan televisyen, teknik bola salji ini adalah teknik yang paling tepat untuk digunakan dalam kajian ini. Seramai 20 orang wanita berkerjaya dalam industri televisyen dan filem telah ditemu bual. Bagi memudahkan peserta temu bual, sesi temu bual telah dijalankan secara dalam talian, bersemuka dan perbualan telefon. Tempoh temu bual ini telah mengambil masa selama empat bulan (dari bulan Mei hingga Ogos 2022) garis waktu temu bual ini dijalankan bergantung kepada kelapangan waktu para responden wanita yang terlibat.

3.5 Etika Penyelidikan

Memandangkan kajian ini melibatkan responden wanita Muslim dalam industri televisyen dan filem dalam bilangan yang rendah, penyelidik telah mengenal pasti tiga aspek yang menyentuh etika dalam penyelidikan:

Pertama, ketelusan responden dalam menjawab soalan temu bual boleh meletakkan diri mereka di dalam situasi yang kurang menyenangkan sekiranya identiti mereka boleh dikenal pasti (Dent, 2017). Justeru itu, bagi menjaga privasi dan kerahsiaan responden, aspek ketanpanamaan (*anonymity*) telah ditekankan oleh penyelidik. Penekanan kepada aspek ketanpanamaan ini membantu responden untuk lebih terbuka berkongsi maklumat yang sensitif, yang boleh menyumbang kepada data yang lebih tepat dan dipercayai. Kedua, ketanpanamaan ini juga boleh melindungi responden daripada berdepan dengan risiko dan masalah yang mungkin berpunca daripada temu bual ini contohnya seperti dibuang kerja atau tidak dipanggil untuk bekerja serta untuk melindungi reputasi dan maruah mereka. Justeru itu, bagi memastikan ketanpanamaan, penyelidik perlu mengambil beberapa langkah untuk berjaga-jaga.

Antara langkah yang digunakan adalah dengan memberitahu responden temu bual berkaitan prosedur yang akan digunakan bagi melindungi ketanpanamaan iaitu dengan Pertama, ketelusan responden dalam menjawab soalan temu bual boleh meletakkan diri mereka di dalam situasi yang kurang menyenangkan sekiranya identiti mereka boleh dikenal pasti (Dent, 2017). Justeru itu, bagi menjaga privasi dan kerahsiaan responden, aspek ketanpanamaan (*anonymity*) telah ditekankan oleh penyelidik. Penekanan kepada aspek ketanpanamaan ini membantu responden untuk lebih terbuka berkongsi maklumat yang sensitif, yang boleh menyumbang kepada data yang lebih tepat dan dipercayai. Kedua, ketanpanamaan ini juga boleh melindungi

responden daripada berdepan dengan risiko dan masalah yang mungkin berpunca daripada temu bual ini contohnya seperti dibuang kerja atau tidak dipanggil untuk bekerja serta untuk melindungi reputasi dan maruah mereka. Justeru itu, bagi memastikan ketanpanamaan, penyelidik perlu mengambil beberapa langkah untuk berjaga-jaga. Antara langkah yang digunakan adalah dengan memberitahu responden temu bual berkaitan prosedur yang akan digunakan bagi melindungi ketanpanamaan iaitu dengan merahsiakan identiti mereka menggunakan nama samaran. Namun, tugas dan jawatan responden akan dikekalkan bagi memudahkan proses menganalisis dan melaporkan hasil kajian kelak.

Selain itu, bagi mematuhi etika penyelidikan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), responden temu bual akan diberikan borang maklumat mengenai penyelidikan ini. Mereka juga dikehendaki untuk mengisi dan menandatangani borang persetujuan untuk ditemu bual supaya tidak berlaku sebarang isu paksaan (Creswell, 2009). Sebelum responden temu bual mengisi dan menandatangani borang persetujuan ditemu bual (rujuk lampiran B), penyelidik juga telah memberikan taklimat terlebih dahulu berkenaan maklumat kajian ini, kepentingan pendapat mereka terhadap skop kajian penyelidik serta bagaimanakah penyelidik akan membentangkan pendapat mereka di dalam tesis.

Kedua, penyelidik mengambil maklum bahawa kajian ini mungkin akan melibatkan wanita yang mungkin terdiri dalam golongan rentan (*vulnerable*) yang menghadapi pelbagai isu yang kompleks seperti ketidakstabilan ekonomi, diskriminasi, keganasan dan penderaan rumah tangga. Justeru itu, penyelidik akan lebih berhati-hati untuk tidak menyentuh isu-isu yang boleh menyentuh sensitiviti responden dan emosi mereka. Penyelidik juga memberi ruang kepada responden yang tidak mahu untuk meneruskan sesi temu bual jika tidak selesai dengan soalan yang ditunjukkan. Responden

juga dibenarkan untuk menolak daripada menjawab soalan yang mungkin mendatangkan ketidakselesaian.

Yang terakhir, penyelidik sedar akan isu berat sebelah (*bias*) dalam kajian yang melibatkan wanita berkerjaya. Penyelidik mungkin akan terbawa emosi ketika proses pelaporan hasil kajian kelak. Justeru itu, kajian ini mengaplikasikan kerangka konseptual kajian yang terbina daripada konsep budaya produksi oleh Caldwell (2008) dan Nur Kareelawati (2015) supaya tidak wujud analisis yang berat sebelah disebabkan jantina penyelidik yang juga seorang wanita semasa proses penulisan dapatan kajian.

3.6 Prosedur Merekod Data

Bagi tujuan prosedur merekod data, sesi temu bual dirakam setelah mendapat persetujuan daripada peserta. Peserta juga diberikan taklimat mengenai maklumat kajian dan diminta untuk menandatangani borang persetujuan subjek untuk ditemu bual. Seterusnya, proses transkripsi secara verbatim (pelaporan kenyataan seperti yang diluahkan oleh responden) semasa temu bual akan dilakukan oleh penyelidik menggunakan aplikasi ATLAS.ti versi 9 bagi tujuan menganalisis data.

3.7 Proses Analisis Data

Kajian ini menggunakan pendekatan induktif dengan mengaplikasikan konsep yang terhasil daripada sorotan literatur dan proses generalisasi. Data yang dikumpulkan akan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik yang dipopularkan oleh Virginia Braun dan Victoria Clarke (2006). Kaedah ini diaplikasikan untuk membantu penyelidik mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan pola (tema) dalam data. Menurut Braun dan Clarke (2006), analisis ini terdiri daripada enam fasa iaitu;

Fasa yang pertama memerlukan penyelidik menyesuaikan diri dan mendalami data yang diperolehi. Bagi kajian ini, data yang diperolehi adalah daripada temu bual yang berbentuk audio dan video. Justeru itu, penyelidik telah mentranskripsi data temu bual tersebut kepada bentuk bertulis atau verbatim. Pertukaran bentuk data kepada bertulis ini membantu untuk memudahkan proses penyelidik membaca data tersebut. Seterusnya penyelidik juga perlu membaca data transkripsi tersebut secara berulang kali supaya penyelidik mendapat gambaran awal ketika proses menganalisis dan mencari pola yang berulang.

Fasa yang kedua pula bermula apabila penyelidik sudah mula menyesuaikan diri dengan data. Seterusnya penyelidik akan mula untuk menjana kod awal menggunakan kata kunci yang berpandukan kepada persoalan kajian. Pada fasa ini penyelidik telah menggunakan perisian ATLAS.ti versi 9 untuk menjana kod dengan menanda dan menamakan pilihan teks dalam setiap item data yang diinginkan. Manakala pada fasa ketiga pula, pencarian tema berpandukan kod-kod akan bermula. Pada fasa ini penyelidik telah menggabungkan kod-kod yang dirasakan bersesuaian untuk diletakkan di bawah sesebuah tema yang menepati objektif kajian. Pada fasa keempat, penyelidik telah menyemak dan memperkemas tema yang sedia ada dan membuang tema-tema yang dirasakan berulang. Apabila penyelidik telah berpuas hati dengan tema yang dihasilkan, penyelidik akan beralih kepada fasa yang kelima iaitu menentukan dan menamakan tema tersebut. Dalam proses ini penyelidik perlu mengenal pasti apakah inti pati dan aspek terpenting yang dimiliki oleh setiap tema. Manakala untuk fasa yang terakhir pula, penyelidik mula menghasilkan laporan naratif akhir yang berbentuk analisis tematik berdasarkan kepada tema-tema yang telah ditentukan. Jadual 3.1 di bawah adalah hasil daripada analisis tematik yang mengandungi senarai tema, kod dan bilangan petikan.

Jadual 3.3: Senarai Tema, Kod dan Bilangan Petikan Kod

Tema	Kod	Bilangan petikan (quotations)
Aspek membentuk budaya produksi	Budaya masyarakat setempat	4
	Ideologi agama	3
Cabaran kesan daripada budaya produksi	Dinamik kuasa	36
	Eksplotasi	49
	Eksplotasi-kendiri	21
	Autonomi kreatif	5
	Kesejahteraan emosi	12
Strategi menangani cabaran	Dinamik kuasa	10
	Eksplotasi	12
	Eksplotasi sendiri	0
	Autonomi kreatif	0
	Kesejahteraan emosi	4
Jumlah		156

Melalui jadual 3.1, budaya masyarakat setempat dengan ulasan sebanyak empat petikan dan ideologi agama dengan ulasan sebanyak tiga petikan merupakan antara aspek yang membentuk budaya produksi industri televisyen dan filem di Malaysia. Dinamik kuasa merupakan aspek penting dalam mengkaji cabaran yang dihadapi oleh pekerja wanita Muslim dalam konteks organisasi. Cabaran dinamik kuasa ini diulas sebanyak 36 petikan. Manakala bagi tema cabaran-cabaran yang dihadapi wanita berkerjaya dari perspektif individu pula terbahagi kepada empat aspek iaitu eksploitasi, eksploitasi-kendiri, autonomi kreatif dan kesejahteraan emosi. Bagi kod eksploitasi telah diulas sebanyak 49 petikan, kod eksploitasi-kendiri diulas sebanyak 21 petikan, kod autonomi kreatif dengan ulasan sebanyak lima petikan, kod kesejahteraan emosi sebanyak 12 petikan. Manakala bagi tema strategi menangani cabaran dinamik kuasa telah diulas sebanyak 10 petikan oleh peserta, strategi menangani cabaran eksploitasi

sebanyak 12 petikan, dan strategi menjaga kesejahteraan emosi sebanyak empat petikan. Jumlah keseluruhan petikan ialah 156 petikan.

3.8 Kebolehpercayaan Dan Penentusahan Data

Bagi memastikan kebolehpercayaan prosedur yang digunakan, penyelidik telah menggunakan strategi yang dicadangkan oleh Gibbs (2007) (seperti yang dinyatakan dalam (Creswell, 2009a):

1. Menyemak transkrip temu bual dengan memastikan tiada sebarang kesalahan ketika proses transkripsi dijalankan.
2. Memastikan tidak ada penyimpangan makna kod dalam proses pengekod data. Penyelidik perlu sentiasa membandingkan data bersama kod serta membuat catatan berkaitan makna bagi sesebuah kod.

Manakala bagi proses memastikan kesahan data yang telah dianalisis, penyelidik telah mengaplikasikan strategi daripada (Creswell, 2009a):

1. Pada bahagian etika kajian, penyelidik telah menjelaskan berkaitan isu-isu yang mungkin menimbulkan bias dalam pelaporan hasil kajian. Justeru itu, penyelidik telah menggunakan kaedah kerangka konseptual kajian yang terbina daripada hasil literatur kajian yang terdiri daripada gabungan kajian pengajian Islam dan kajian produksi media. Selain itu juga, penggunaan analisis tematik kepada data kajian juga membantu penyelidik mendapatkan gambaran menyeluruh tentang data kajian. Kaedah ini juga membantu penyelidik untuk mengelakkan daripada berlakunya isu berat sebelah dalam kajian.

2. Sebelum memulakan sesi temu bual, penyelidik telah pun menyiapkan set soalan temu bual terlebih dahulu. Oleh kerana kajian yang dijalankan ini merupakan sebahagian daripada aktiviti penyelidikan di bawah geran penyelidikan, kajian ini tertakluk kepada etika universiti. Oleh yang demikian, penyelidik telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan USIM untuk menjalankan sesi temu bual bersama responden. Penyelidik juga berkesempatan membentangkan set soalan temu bual ini dalam sebuah bengkel penilaian dan telah dinilai oleh enam orang panel yang terdiri daripada pembuat dasar, wakil persatuan pekerja kreatif seperti PROFIMA dan ANIMAS, ahli akademik, dan ahli industri media kreatif.
3. Penyelidik juga telah memaparkan perkara yang berlainan dengan tema kajian. Walaupun objektif kajian adalah untuk mengetahui cabaran yang dihadapi oleh tenaga kerja wanita dalam industri televisyen dan filem, namun penyelidik turut melaporkan perkara yang positif yang terjadi dalam persekitaran kerja industri produksi di Malaysia. Contohnya ketiadaan isu diskriminasi antara gender dalam persekitaran kerja dalam organisasi milikan kerajaan serta ketiadaan isu seperti perbezaan upah antara tenaga kerja lelaki dan wanita.

3.9 Kesimpulan

Bab ini menerangkan tentang metodologi kajian yang mengandungi kaedah kajian. Menggunakan pendekatan fenomenologi, penyelidik menggunakan instrumen kajian iaitu temu bual separa-berstruktur untuk menemu bual tenaga kerja wanita dalam industri penyiaran dan perfileman. Selain itu, penyelidik turut membincangkan mengenai kaedah pensampelan kajian. Tidak lupa juga penyelidik turut menitikberatkan isu berkaitan etika penyelidikan dan prosedur merekod data. Seterusnya penyelidik juga

membincangkan tentang proses menentukan kebolehpercayaan dan penentusahan data. Manakala bagi proses analisis data terhadap tema yang berbangkit pula akan dipaparkan pada dapatan kajian pada Bab 4.

